

Headline	Pantau agensi pelancongan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	12	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAIMATULJUWITA ABDULLAH	AdValue	RM 2,859
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,577



# Pantau agensi pelancongan

■ ZAIMATULJUWITA ABDULLAH

**BACHOK** – Sudah tiba masanya kerajaan menubuhkan sebuah pasukan khas untuk memantau agensi pelancongan di negara ini berikutan berlakunya beberapa kes penipuan terhadap jemaah umrah dan haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, agensi yang membawa jemaah umrah ini tidak diletakkan di bawah Tabung Haji (TH) sementara lesennya dikeluarkan Kementerian Pelancongan.

“Penubuhan pasukan khas ini diperlukan segera yang melibatkan kerjasama pihak berkaitan untuk menjaga kepentingan rakyat agar tidak terus menjadi mangsa agensi pelancongan.

“Mekanism pengawasan ini perlu diperkuatkan untuk memastikan kes sedemikian tidak berlaku dan menyebabkan penganiayaan terhadap jemaah umrah,” katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra bersama penduduk Tawang,



Jamil Khir (kanan) menerima cenderamata daripada Ilias (tengah) sambil diperhatikan Mohd Radzuan (kiri).

Bachok di dewan Sekolah Kebangsaan Pauh Sembilan, petang kelmarin.

Sementara itu, Penyelaras Dun Tawang, Datuk Mohd Radzuan Abdullah juga menyambut baik hasrat itu agar kerajaan mengetatkan pengawasan terhadap agensi pelancongan yang menawarkan pakej umrah murah namun kemudiannya memperdaya jemaah.

“Aktiviti agensi pelancongan ini perlu dipantau

kerana ia juga melibatkan imej Malaysia di mata masyarakat dunia. Bila berlaku kes jemaah terkandas di mana-mana lapangan terbang, nama Malaysia juga akan terjejas.

“Ia mungkin berlaku melibatkan jemaah dari Bachok dan Tawang sendiri. Justeru, saya amat menyambut jika ada satu pasukan khas yang memantau agensi ini daripada berleluasa menganiaya jemaah,” katanya.